

ERICIN FOR ORAL SUSPENSION

Ethromycin Ethylsuccinate (200mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ERICIN
2. Bagaimana ERICIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan ERICIN
4. Cara menggunakan ERICIN
5. Semasa menggunakan ERICIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ERICIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan ERICIN

ERICIN digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria tertentu seperti:

- jangkitan saluran pernafasan
- jangkitan gastrousus
- sifilis dan penyakit kelamin yang lain
- batuk kokol
- jangkitan kulit dan tisu lembut

Bagaimana ERICIN berfungsi

Ubat ini mengandungi erythromycin ethylsuccinate, yang merupakan sejenis antibiotik (kumpulan *macrolide*). Ia membunuh atau merencat pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan ERICIN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap erythromycin, atau mana-mana antibiotik daripada kumpulan *macrolide* atau apa-apa bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)
- anda mengalami masalah hati yang teruk
- anda mengambil cisapride (digunakan untuk gastrik refluks)
- anda mengambil ergotamine, dihydroergotamine (digunakan untuk migrain)
- anda mengambil pimozide (digunakan untuk merawat penyakit mental)

- Sebelum menggunakan ERICIN

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- mempunyai masalah hati atau sedang mengambil ubat-ubatan yang boleh menjejaskan fungsi hati
- mengambil ujian darah atau air kencing kerana Ericin boleh menjejaskan beberapa keputusan ujian

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Erythromycin akan dirembeskan ke dalam susu ibu dan boleh memberi kesan kepada bayi anda. Doktor akan membincangkan risiko dan faedah menyusukan bayi semasa anda mengambil erythromycin.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia boleh bertindak balas dengan ERICIN:

- HMG-CoA *reductase inhibitors* (seperti simvastatin)
- triazolobenzodiazepines dan benzodiazepines (digunakan sebagai penenang)
- theophylline (digunakan untuk merawat asma dan masalah pernafasan lain)
- cimetidine (digunakan untuk merawat refluks asid dan masalah lain berkaitan)
- *calcium channel blockers* (seperti verapamil, amlodipine and diltiazem)
- sildenafil (digunakan untuk merawat masalah ereksi)
- rifabutin (digunakan untuk merawat pelbagai jenis jangkitan bakteria)

- methylprednisolone dan kortikosteroid yang lain (digunakan untuk mengawal imun badan)
- cilostazol (ubat yang digunakan untuk merawat masalah peredaran darah)
- bromocriptine (digunakan untuk merawat penyakit Parkinson)
- ciclosporin dan tacrolimus (digunakan untuk mencegah penolakan selepas pemindahan organ)
- carbamazepine (digunakan untuk mengawal sawan)
- alfentanil (ubat tahan sakit)
- digoxin, disopyramide dan quinidine (digunakan untuk merawat masalah jantung)
- ubat cair darah
- astemizole dan terfenadine (digunakan untuk merawat alahan)
- vinblastine (ubat kanser)

Cara menggunakan ERICIN

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi. Habiskan antibiotik yang diberikan oleh doktor walaupun anda berasa lebih sihat.

Untuk diambil secara oral sahaja.

Dewasa:

Sehingga 100 ml sehari dibahagikan dalam beberapa dos.

Kanak-kanak:

Doktor anak anda akan menentukan dos berdasarkan berat badan mereka dan tahap jangkitan.

Arahan untuk bancuhan:

Goncang botol untuk meleraikan serbuk. Tambah sedikit air masak yang telah disejukkan dan goncang dengan sekata. Tambahkan air sehingga mencecah ke paras isipadu 60ml/100ml dan goncang sekali lagi.

ERICIN FOR ORAL SUSPENSION

Etthromycin Ethylsuccinate (200mg per 5ml)

- **Bila perlu digunakan**
Ambil ERICIN seperti yang disarankan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ia boleh diambil selepas makan atau dengan perut kosong.
- **Berapa lama perlu digunakan**
Ambil ERICIN mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- **Jika anda terlupa menggunakan**
Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal
- **Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)**
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Pengambilan ubat ini terlalu banyak boleh menyebabkan peningkatan berlaku kesan sampingan.

Semasa menggunakan ERICIN

- **Perkara yang perlu dilakukan**
Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ERICIN.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Gunakan ERICIN hanya dengan preskripsi doktor.
- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan ERICIN kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai

simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**
Memandu dan menggunakan jentera
Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan ERICIN terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, ERICIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

ERICIN mungkin akan menyebabkan alahan yang teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan ERICIN dan dapatkan bantuan perubatan jika anda mengalami simptom berikut:

- kemerahan kulit, lepuh kulit, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Kesan sampingan lain yang dilaporkan adalah:

- masalah hati
- keradangan pankreas atau usus besar
- masalah pendengaran
- gangguan gastrointestinal seperti ketidakelesaan perut, kejang, loya, muntah, cirit-birit, pedih ulu hati, kehilangan selera makan atau najis menjadi hitam
- alergi yang teruk seperti kesukaran bernafas, pening kepala, bengkak pada kulit
- luka mulut
- ritma jantung tidak normal
- bunyi berdering di telinga
- kerengsaan atau keradangan urat disebabkan oleh pembentukan darah beku
- jangkitan bakteria baru akibat penggunaan yang berpanjangan

Sekiranya anak anda muntah dan/atau mengalami kesukaran semasa menyusu, hubungi doktor dengan segera kerana ia mungkin disebabkan oleh *Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS)*.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan ERICIN

- **Penyimpanan**
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Pastikan bekas ditutup dengan rapat. Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering yang dingin. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Simpan di dalam peti sejuk selepas dibancuh (2°C hingga 8°C).

Gunakan ubat yang telah dibancuh dalam masa 7 hari. Goncang dahulu setiap kali sebelum digunakan.

- **Pelupusan**
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- **Rupa dan warna produk**
ERICIN adalah serbuk berwarna putih dan merah jambu yang bertukar menjadi cecair campuran berwarna merah jambu selepas dibancuh.
- **Bahan-bahan kandungan**
 - Bahan aktif
Setiap 5mL ubat mengandungi erythromycin ethylsuccinate bersamaan dengan 200mg erythromycin.
 - Bahan tidak aktif
Disodium hydrogen phosphate dihydrate, saccharin sodium, castor sugar, plasdone, allura red, xanthan gum, aerosil, icing sugar, dimethicone 20, polysorbate 40 (Tween 40) dan German orange powder.

ERICIN FOR ORAL SUSPENSION

Etthromycin Ethylsuccinate (200mg per 5ml)

- Nombor MAL

MAL19860047AZ

**Pengilang & Pemegang Pendaftaran
Produk**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan,
Bakar Arang Industrial Estate, 08000,
Sungai Petani, Kedah Darul Aman,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

3/5/2024

Nombor siri

NPRA(R4/1)020524/00057